

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Yeo: Malaysia can save at least RM47bil over 15 years by being more energy efficient</u> The nation stands to save a minimum of RM47bil over the next 15 years if becomes more energy efficient, says Minister of Energy, Green Technology, Science, Climate Change and Environment Minister Yeo Bee Yin.	The Star	Klik pada tajuk berita
2.	<u>Minister: Study shows energy efficiency could unlock RM47b savings over 15 years / Yeo:Energy efficiency can save RM47b</u> A joint study by the government's Economic Planning Unit and the United Nations Development Programme estimated that Malaysia had potential energy savings of up RM46.92 billion from 2016 to 2030, said Yeo Bee Yin.	Malay Mail	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 1
3.	<u>Ministry mulls limited APs for plastic waste instead of import ban</u> Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin had vowed that Malaysia would not become a "trash can" for developed countries.	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
4.	<u>STI pacu kemajuan ekonomi - PM</u> Tun Dr Mahathir Mohamad berkata Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) berperanan sebagai pemacu kepada kemajuan ekonomi negara.	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
5.	<u>PM tidak setuju parti politik di universiti / Dr. Mahathir tidak setuju pindaan AUKU / PM tidak setuju parti politik di universiti</u> Dr. Mahathir ketika ditemui selepas menghadiri majlis Anugerah Felo Akademi Sains Malaysia (ASM) di sini hari ini berpandangan perkara itu tidak perlu dilaksanakan.	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 2

6.	<u>MPK sita enam kilang proses plastik haram</u> Menurutnya, operasi bersepadu bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri itu dilakukan susulan aduan daripada penduduk dan pengilang di kawasan berkenaan berhubung aktiviti pembakaran terbuka sehingga mendatangkan pencemaran bau kepada penduduk sekitar.	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
7.	<u>Dr M tolak cadangan Maszlee / PM tak setuju pinda AUKU</u> Beliau bercakap kepada media selepas merasmikan Anugerah Felo dan Anugerah 24 Saintis Terbaik 2018, anjuran Akademi Sains Malaysia (ASM), di Kuala Lumpur.	Harian Metro	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 3
8.	<u>Dr Mahathir tidak setuju</u> Tun Dr Mahathir Mohamad tidak bersetuju pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) untuk membolehkan cawangan parti politik ditubuhkan di semua universiti Awam (UA).	Berita Harian	Rujuk lampiran 4
9.	<u>Tidak perlu tubuh cawangan politik di universiti - PM</u> Seramai 29 saintis, jurutera dan pakar teknologi terkemuka negara dipilih sebagai felo baharu ASM, yang dipilih dari lapan sektor antaranya IT, Matematik, Perubatan dan Sains Sosial.	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
10.	<u>Dr M against political parties setting up branches in public universities</u> Tun Dr Mahathir Mohamad has reservations about allowing political parties to set up branches in public universities.	The Star	Rujuk lampiran 5
11.	<u>Teknologi kultur tisu hasilkan kualiti rumpai laut terbaik</u> Penghasilan benih rumpai laut melalui teknologi kultur tisu mampu menghasilkan lima kali ganda atau 400,000 benih rumpai laut berbanding kaedah konvensional dalam masa 11 bulan.	Harian Metro	Rujuk lampiran 6

12.	<u>Keputusan batalkan 4IPP wajar</u> Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) membawa empat kontrak itu diperoleh menerusi rundingan terus dan juga melanggar terma dan syarat surat tawaran mereka.	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 7
13.	<u>Enam kilang haram disita</u> Sebanyak enam kilang memproses plastik di kawasan Perindustrian Air Hitam, di sini disita dalam operasi bersepadu Majlis Perbandaran Klang (MPK) bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, semalam.	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 8
14.	<u>Syarat lebih ketat untuk lesen kitar semula</u> Beliau memberitahu, walaupun semua syarat telah dipenuhi, lesen tidak akan diberi dengan mudah iaitu hanya kebenaran beroperasi sementara diberikan kepada pemohon manakala operasi kilang dipantau oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Jabatan Alam Sekitar terlebih dahulu.	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
15.	<u>Siap sedia hadapi cuaca tak menentu</u> Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) menjangkakan musim tengkujuh yang menyebabkan hujan berterusan sehingga tempoh lima hari berturut –turut diramal melanda negara mula 29 Oktober lalu hingga Mac 2019.	Berita Harian	Rujuk lampiran 9
16.	<u>Canceling IPP Projects A Bold Move</u> Resolute and far-reaching. That perhaps best describes the government's latest decision to cancel four independent power producers (IPP) projects that are currently surplus to the nation's needs.	New Straits Times	Rujuk lampiran 10
17.	<u>Kerajaan teliti usaha bawa pulang jet peribadi Jho Low</u> Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Anugerah Felo dan Anugerah 24 Saintis Terbaik 2018, anjuran Akademi Sains Malaysia (ASM), di sini.	Berita Harian	Klik pada tajuk berita

18.	<u>'Kalau berbaloi, kita bawa balik' / Teliti hal jet Jho Low</u> Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Anugerah Felo dan Anugerah 24 Saintis Terbaik 2018, anjuran Akademi Sains Malaysia (ASM), di Kuala Lumpur, hari ini.	Harian Metro	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 11
19.	<u>Justo saksi utama kes 1MDB?</u> Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Anugerah Felo dan Anugerah 24 Saintis Terbaik 2018, anjuran Akademi Sains Malaysia (ASM), di sini.	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
20.	<u>Dua gempa kuat landa Chile</u> Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia, pusat gempa itu terletak 19.50 darjah selatan dan 69.4 darjah barat, kira-kira 112 km timur laut dari Iquique, Chile.	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
21.	<u>Plastic-free stores mushroom in Malaysia</u> Malaysia's Energy, Technology, Science, Climate Change and Environment Minister, Yeo Bee Yin recently announced that Malaysia has frozen licences for plastic waste recycling plants, and banned imports of plastic waste. She also said Malaysia will abolish single-use plastics by 2030, beginning with the introduction of a charge for plastic bags. Several states in Malaysia have already introduced a charge for plastic bags on certain days of the week.	Eco-Business.com	Klik pada tajuk berita

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
22.	<u>Patuhi syarat lesen import sisa plastik</u> “Sisa pepejal adalah komoditi berharga kepada negara kerana mampu menjana pendapatan kepada pengusaha kilang kitar semula jika sisa pepejal terutama plastik diasing dengan teratur dan diproses dengan baik.	Harian Metro	Rujuk lampiran 12
23.	<u>Jenama Malaysia raih Anugerah Penjenamaan Dunia 2018</u> Majlis penuh berprestij itu menyaksikan kira-kira 270 jenama dari 33 negara yang dinamakan sebagai ‘Jenama Terbaik Untuk Tahun Ini’ adalah pengiktirafan jenama global kepada pemain industri dunia.	Berita Harian	Rujuk lampiran 13
24.	<u>Kawal pembalakan, ambil serius keluhan penduduk</u> Pemangku Raja Pahang (PRP) Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertitah supaya semua pihak memandang serius dan keluhan penduduk setempat terhadap projek pembinaan talian penghantaran Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Janda Baik.	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
25.	<u>Tenaga issues US\$750m sukuk, Ahmad Badri joins its board</u> Tenaga Nasional Bhd (TNB), via its wholly-owned subsidiary TNB Global Ventures Capital Bhd, has issued Islamic bonds (sukuk) worth US\$750 million (RM3.13 billion) under its US\$2.5 billion sukuk programme.	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
26.	<u>KLCI slips back on profit-taking; Maybank, TNB lead decline</u> Bursa Malaysia was brought lower by profit-taking on Thursday morning following the 23-point rally in the previous session.	The Star	Klik pada tajuk berita
27.	<u>Ahmad Badri dilantik Pengarah Bukan Bebas TNB / Ahmad Badri dilantik ahli lembaga Pengarah TNB</u>	Berita Harian / Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita rujuk lampiran 14

	Tenaga Nasional Bhd (TNB) telah melantik Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir sebagai Pengarah Bukan Bebas berkuat kuasa hari ini.		
28.	<u>Penebangan balak untuk projek TNB perlu ikut kawasn ditetapkan</u> Pemangku Raja Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah menitahkan supaya aktiviti penebangan hutan yang dijalankan bagi kerja pembinaan menara dan pemasangan talian penghantaran Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Janda Baik dilakukan secara berhati-hati.	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
29.	<u>Pandang serius pandangan penduduk, kawal pembalakan</u> Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah menitahkan supaya semua pihak yang terlibat dalam pembinaan projek pembinaan talian penghantaran Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Janda Baik, dekat sini memandang serius pandangan dan keluhan penduduk setempat.	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
30.	<u>TNB unit issues RM3.1bil sukuk</u> Tenaga Nasional Bhd (TNB)'s wholly-owned subsidiary Global Ventures Capital Berhad has issued US\$750mil (about RM3.13bil) worth of sukuk under its US\$2.5bil sukuk programme.	The Star	Rujuk lampiran 15
31.	<u>AAX, KNM, Supermax, Atrium REIT, Hexza, AWC, Unisem, Hume, Axiata, Sunway REIT, Tenaga Nasional, CAP, M-Mode and TFP</u> Tenaga Nasional Bhd (TNB), via its wholly-owned subsidiary TNB Global Ventures Capital Bhd, has issued Islamic bonds worth US\$750 million (RM3.13 billion) under its US\$2.5 billion sukuk programme.	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
32.	<u>AP sisa plastik diteruskan secara bersyarat</u> Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bercadang meneruskan pemberian Lesen Import (AP) sisa plastik kepada syarikat yang layak dan memenuhi syarat kelulusan ditetapkan.	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
33.	<u>AP sisa plastik diteruskan tapi terhad - Zuraida / Lesen import plastik diteruskan</u>	Malaysiakini / Kosmo!	Klik pada tajuk berita dan

	Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata pemberian lesen import (AP) bagi sampah plastik akan diteruskan namun dihadkan kepada syarikat yang layak dan memenuhi syarat kelulusan yang ditetapkan kementerian itu.		rujuk lampiran 16
--	--	--	----------------------

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
34.	<u>Robotic surgery for cervical cancer raises death risk</u> A pair of studies published in the New England Journal of Medicine sound the alarm about surgery that has quickly become the go-go option for many women, even before its outcome was thoroughly studied.	The Star	Rujuk lampiran 17

LAMPIRAN 1
MALAY MAIL (TOP NEWS): MUKA SURAT 8
TARIKH: 2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Yeo: Energy efficiency can save RM47b

KUALA LUMPUR — A joint study by the Economic Planning Unit and the United Nations Development Programme estimated that Malaysia had potential energy savings of up RM46.92 billion from 2016 to 2030, said Energy, Green Technology, Science, Climate Change and Environment Minister Yeo Bee Yin.

During her winding up session on the Midterm Review of the 11th Malaysia Plan (RMK11), she said this showed huge potential for the energy efficiency industry.

"The study shows that the main obstacle from widespread use of energy efficient practices is the lack of regulatory framework. Therefore the government is in the process of coming up with the framework for the Energy Efficiency and Conservation Act (Eeca).

"The Eeca draft will be tabled next year. At the same time the government has also reviewed and improved the National Energy Efficiency Action Plan (Neeap) 2016-2025. The government will focus on the building sectors because it has been identified as low

hanging fruits," said Yeo.

She said that buildings utilise up to 50 per cent of Malaysia's electricity consumption, reflecting a huge potential for cost savings if their energy usage could be optimised.

To jumpstart the energy efficiency sector, Yeo said her ministry is cooperating with the Works Ministry to prepare an Energy Performance Contract (EPC) to retrofit roughly 5,000 government owned buildings nationwide.

The contract is expected to be completed in January.

"EPC can unlock the potential energy saving efficiency without putting a big financial burden on the government," she said.

"Under its mechanism an energy service company (Esco) will come up with the funds for retrofit projects such as replacing chillers and LED lights in government buildings and share the cost saving bill with the government.

"For instance, after retrofitting a

government building, the cost saving (for the building's electricity bill) will be at 20 per cent. This will be divided between the government and the Esco. The government saves 10 per cent and the Esco will take 10 per cent for a certain period of time."

This allows the government to save 10 per cent in electricity bills while the Esco will obtain a 10 per cent constant revenue stream.

In other words, the government will pay Tenaga Nasional Berhad (TNB) 80 per cent of its current electricity bills after the retrofit is completed. The government will also pay 10 per cent of its current electricity bill to the Esco for the stipulated contractual period.

After the contractual period is over, the government will only pay TNB 80 per cent of its current electricity bill without paying anything more to the Esco and it keeps the retrofitted electrical equipment as assets.

This also allows the Esco to increase its viability through constant revenue stream so they may obtain further project financings from banks.

LAMPIRAN 2

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 3

TARIKH: 2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)



DR. MAHATHIR MOHAMAD menyampaikan Anugerah Felo Kanan Akademi Sains Malaysia (ASM) 2018 kepada Datuk Dr. Tengku Mohd. Azzman Shariffadeen sambil diperhatikan Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah Majilis (Kiri) dan Presiden ASM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ROY AZIS ABD. AZIZ

PM tidak setuju parti politik di universiti

Oleh SYUKRI SHAARI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 NOV.

NAMPAKNYA bukan semua cadangan atau idea yang mahu dilaksanakan oleh menteri Kabinet dipersetujui oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Contohnya mengenai cadangan pindaan terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) bagi membolehkan cawangan parti politik ditubuhkan di semua universiti awam sebagaimana diutarakan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik.

Dr. Mahathir ketika ditemui selepas menghadiri majlis Anugerah Felo Akademi Sains Malaysia (ASM) di sini hari ini berpandangan perkara itu tidak perlu dilaksanakan.

"Tidak, anda (pelajar) bebas untuk bercakap apa yang anda suka. Tidak payah la parti," kata beliau.

Maszlee dalam sidang Dewan Rakyat kelmarin memberitahu pindaan terhadap AUKU tidak lama lagi akan membolehkan cawangan parti politik ditubuhkan di semua universiti awam.

Langkah itu jelas Maszlee adalah sejajar dengan penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun seperti dicadangkan sebelum ini.

Menyentuh mengenai Belanjawan 2019 yang bakal dibentangkan esok, Dr. Mahathir memberitahu beliau tidak tahu dan tidak dibenarkan 'menceritakannya'.

Sementara itu, ketika berucap dalam majlis tersebut, Dr. Mahathir berpandangan jurang di antara Malaysia dengan negara-negara telah membangun se-

makin lebar dan potensi untuk mengejar negara-negara berkenaan semakin mencabar.

Bukan itu sahaja, beliau malah menegaskan, negara-negara yang tahap pembangunannya setara dengan Malaysia pula sedang pesat membangunkan ekosistem inovatif.

Dengan persaingan pasaran yang sama, tenaga kerja mahir dan pelaburan langsung asing (FDI), Dr. Mahathir bimbang dengan potensi negara-negara tersebut yang dilihat sangat tinggi untuk mengatasi Malaysia.

"Malaysia memerlukan ekosistem inovasi berfungsi penuh yang mampu menghubungkan jurang inovasi yang sedia wujud. Rangkaian kerjasama inovasi perlu dijalinan antara sektor awam, perniagaan dan industri, kajian dan pembangunan serta masyarakat awam," jelasnya.

LAMPIRAN 3

HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 28

TARIKH: 2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Kuala Lumpur

PM tak setuju pinda AUKU

Tun Dr Mahathir Mohamad tidak bersetuju pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) untuk membolehkan cawangan parti politik ditubuhkan di semua universiti awam (UA).

Perdana Menteri berkata, ketika ini pun pelajar tidak disekat daripada berbicara mengenai isu politik tanah air.

“Anda (pelajar) bebas bercakap apa (politik) yang anda suka. Tidak payahlah parti,” katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Anugerah Felo dan Anugerah 24 Saintis Terbaik 2018, anjuran Akademi Sains Malaysia (ASM), di sini.

Selasa lalu, Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, ketika menggulung Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 bagi pihak kementerian di Dewan Rakyat berkata, pindaan AUKU membolehkan cawangan parti politik ditubuhkan dalam universiti awam.

Katanya, perkara berkenaan sejajar langkah menurunkan



Sebelum ini memang ada kumpulan Aspirasi dan Wawasan dalam Pilihan Raya Kampus, namun itu hanya pada nama”

Dr Mahathir

had umur mengundi kepada 18 tahun yang akan dicadangkan dalam tempoh terdekat.

“Sebelum ini memang ada kumpulan Aspirasi dan Wawasan dalam Pilihan Raya Kampus, namun itu hanya pada nama.

“Perubahan pada AUKU yang membolehkan mahasiswa menubuhkan Kelab Barisan Nasional (BN) di UA, Kelab Pakatan Harapan (PH) di UA, Kelab PBB (Parti Pesaka Bumiputera Bersatu) dan pelbagai lagi seperti di negara maju.

“Di negara maju memang ada parti politik cawangan kampus dan ini selaras dengan penurunan umur mengundi yang akan kita cadangkan nanti,” katanya.

LAMPIRAN 4 BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 4 TARIKH: 2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

SYOR TUBUH CAWANGAN PARTI DI UA

Dr Mahathir tidak setuju

➔ Ketika ini pelajar tak disekat bercakap isu politik

Oleh Nadia Hamid dan Manirajan Ramasamy
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad tidak bersetuju pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) untuk membolehkan cawangan parti politik ditubuhkan di semua universiti awam (UA).

Perdana Menteri berkata, ketika ini pun pelajar tidak disekat daripada berbicara mengenai isu politik tanah air.

"Anda (pelajar) bebas bercakap apa (politik) yang anda suka. Tidak payahlah parti," katanya kepada media selepas merasmikan Anugerah Felo dan Anugerah 24 Saintis Terbaik 2018, anjuran Akademi Sains Malaysia (ASM), di sini, semalam.

Selasa lalu, Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, ketika mengulung Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) bagi pihak Kementerian di Dewan Rakyat berkata, pindaan AUKU membolehkan cawangan parti politik ditubuhkan dalam UA.

Katanya, perkara itu sejajar langkah menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun yang akan dicadangkan dalam tempoh terdekat.

"Sebelum ini ada kumpulan Aspirasi dan Wawasan dalam Pilihan Raya Kampus, namun itu hanya pada nama.

"Perubahan pada AUKU yang membolehkan mahasiswa me-



Dr Mahathir, Isnaraissah Munirah (kiri), Mohd Azzman dan Asma pada Anugerah Felo dan Anugerah 24 Saintis Terbaik 2018, di Kuala Lumpur, semalam.

nubuhkan Kelab Barisan Nasional (BN) di UA, Kelab Pakatan Harapan (PH) di UA, Kelab PBB (Parti Pesaka Bumiputera Bersatu) dan pelbagai lagi seperti di negara maju.

"Di negara maju memang ada parti politik cawangan kampus dan ini selaras dengan penurunan umur mengundi yang akan kita cadangkan nanti," katanya.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis itu, Dr Mahathir berkata Sains, Teknologi dan Inovasi adalah pemacu kepada kemajuan ekonomi.

Pertumbuhan pelaburan

Beliau berkata Malaysia perlu memastikan pertumbuhan segera pelaburan perniagaan yang memanfaatkan sektor sains dan teknologi.

Katanya sektor ekonomi baharu perlu dikenal pasti dan dibangunkan untuk menjamin kemakmuran dan kestabilan negara berdepan Revolusi Industri 4.0.

"Projek kereta nasional ketiga akan menjadi permulaan yang

baik untuk melaksanakan beberapa strategi yang dicadangkan dalam dasar STI," katanya merujuk kepada pelancaran Dasar Kebangsaan Industri 4.0, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Cuaca (MESTEC), Isnaraissah Munirah Majlis dan Ketua Setiausaha MESTEC, Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya serta Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), Prof Datuk Dr Asma Ismail.

Dr Mahathir berkata Malaysia sudah bertukar daripada negara berasaskan ekonomi agrarian kepada ekonomi industri, melalui perkhidmatan dan pembuatan, yang menjadi penyumbang utama Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP).

"Daripada 21 industri di Malaysia, industri automotif diklasifikasikan sebagai peneraju utama kerana tahap pengetahuan dan keupayaan inovasi yang dibina sejak bertahun-tahun sejak Malaysia mula menggunakan

pembuatan kereta," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir menyambut baik usaha ASM yang menyokong inisiatif pembuatan kereta nasional.

"Saya harap mereka (ASM) akan memudahkan pendekatan rangkaian kerjasama dan bekerjasama dengan rakan lain untuk memberikan input ke arah usaha membina projek kereta kebangsaan (ketiga negara ini) direalisasikan," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir menegaskan, jurang antara Malaysia dan negara-negara maju semakin meluas dan usaha untuk menyaingi negara itu semakin mencabar.

Sementara itu, dalam majlis berkenaan, Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen dilantik sebagai Felo Kanan ASM, sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan luas ke arah pembangunan bidang ICT di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, dan peranannya sebagai ahli strategi dalam pembangunan dasar negara.

LAMPIRAN 5
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 6
TARIKH: 2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Dr M against political parties setting up branches in public universities

By RAZAK AHMAD
razak@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad has reservations about allowing political parties to set up branches in public universities.

"No, no, no," said the Prime Minister when asked to comment on the proposed amendments to the Universities and University Colleges Act (AUKU) 1971.

"You are free to talk as you like, but *tak payah lah bagi* (there is no need to allow it)," he said after attending the 2018 Conferment of Fellowship of the Academy of Sciences Malaysia here yesterday.

On Tuesday, Education Minister Dr Maszlee Malik was reported to have said in the Dewan Rakyat that the proposed amendments would allow political parties to set up branches in all public universities.

Dr Maszlee was also reported as saying that campus elections were previously regulated by the university management and that students and academics who did not agree with the previous government were restricted.

In his speech, Dr Mahathir said Malaysia would be overtaken by other developing countries if it fails to make effective use of science, technology and innovation (STI) to fuel the country's economic growth.

He said several developing countries were already making big efforts to employ the latest innovations in their industries and enterprises.

He did not identify the countries but said they competed for the same markets, skilled workforce and foreign direct investments as Malaysia.

Dr Mahathir added that even traditional sectors such as agriculture, plantation and commodities could benefit from the latest innovations with mechanisation and automation able to reduce the need for labour.

He also said following the recent launch of the National Policy on Industry 4.0, the third national car project would be a good start to implement some of the strategies recommended in the policy.

"Out of 21 Malaysian industries, the automotive industry is classified as a pace-setter due to the level of knowledge and innovation capacity built up over the years since Malaysia first embarked on car manufacturing," said Dr Mahathir.

He later conferred ASM Fellowships on 29 new Fellows of the academy, including Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen, who was appointed Senior Fellow of ASM.

Dr Tengku Mohd Azzman, who led technology firm Mimos Bhd for 21 years, is credited among others for his pioneering work in developing the information and communications technology field in Malaysia.

The ASM has 352 Fellows, which includes 28 Senior Fellows. A total of 24 recipients of the Top Research Scientists Malaysia 2018 award were also announced at the event.

LAMPIRAN 6

HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 14

TARIKH: 2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Serdang: Penghasilan benih rumpai laut melalui teknologi kultur tisu mampu menghasilkan lima kali ganda atau 400,000 benih rumpai laut berbanding kaedah konvensional dalam masa 11 bulan.

Pengarah Eksekutif Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI), Prof Madya Dr Norihan Mohd Salleh berkata, kajian yang dijalankan membuktikan kualiti rumpai laut menggunakan teknik itu lebih baik berbanding rumpai laut liar.

Beliau berkata, ia berdasarkan aspek kadar pertumbuhan dan kandungan karaginan rumpai laut berkenaan.

"Proses penghasilan benih kultur tisu ini membabitkan pengadaptasian rumpai laut ke persekitaran makmal, pensterilan eksplan, penginduksian kalus, penghasilan somatic embryo dan pembesaran anak benih sebelum

Teknologi kultur tisu hasilkan kualiti rumpai laut terbaik



ISNARAISAH (dua dari kiri), diliringi Dr Norihan (kiri) dan pada majlis Penyempurnaan Latihan dan Pemindahan Teknologi Bagi Penghasilan Benih Kultur Tisu Rumpai Laut di ABI.

dipindahkan ke ladang.

"Rumpai laut dianggap 'super food' kerana kandungan nutrisinya yang tinggi

dan pelbagai khasiat terhadap kesihatan fizikal serta penjagaan kulit.

"Industri ini mempunyai

potensi yang besar untuk dimajukan dan dikembangkan kerana serbuk rumpai laut serta karaginan daripada

rumpai laut mempunyai aplikasi yang luas.

"Ia boleh dijadikan salah satu bahan campuran produk bagi industri pemrosesan makanan dan minuman, kosmetik serta farmaseutikal. Malah industri ini dapat memberi pulangan yang lumayan kepada pengusaha," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyempurnaan latihan dan pemindahan teknologi bagi penghasilan benih kultur tisu rumpai laut di Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM), di sini, kelmarin.

Majlis perasmian disempurnakan Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah Majlis.

Norihan berkata, pengusaha industri rumpai laut se-

ring mengalami masalah kekurangan untuk mendapatkan bekalan benih secara konsisten, kemerosotan kualiti benih dan ancaman penyakit.

"Ini kerana rumpai laut yang ditanam secara konvensional iaitu menggunakan teknik potongan menunjukkan penurunan kandungan karaginan, kadar pertumbuhan dan daya rintang terhadap penyakit serta perubahan cuaca," katanya.

Sementara itu, Isnaraissah berkata, kerajaan menyasarkan penghasilan 150,000 tan metrik rumpai laut menjelang 2020.

Katanya, teknik penghasilan benih rumpai laut menggunakan teknologi kultur tisu mampu membantu pengusaha meningkatkan pendapatan mereka.

LAMPIRAN 7

UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 46

TARIKH: 2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Keputusan batalkan 4 IPP wajar

■ KUALA LUMPUR 1 NOV

TEGAS dan wajar. Ia mungkin ungkapan terbaik bagi menggambarkan keputusan terbaharu kerajaan untuk membatalkan empat projek Penjana Kuasa Bebas (IPP) yang pada masa ini merupakan beban kepada keperluan negara. Keempat-empat IPP itu terdiri daripada tiga stesen jana kuasa gas dengan gabungan kapasiti dipasang 2,400 Megawatt (MW), dan sebuah projek kuasa solar 400 MW.

Pendek kata, sekiranya kerajaan meneruskan projek itu, ia bermakna margin kapasiti atau penampungan yang telahpun berada di paras optimum 32 peratus akan meningkat lagi ke tahap yang lebih daripada diperlukan oleh pengguna di negara ini.


Ini sudah tentunya satu pembaziran sumber yang akan meningkatkan pembayaran kerajaan bagi menyenggara sejumlah penampungan yang tidak perlu, yang kelak akan menyebabkan bil elektrik yang lebih tinggi.

Pertimbangan teliti telah dibuat bagi mengambil keputusan berani itu di mana kerajaan juga sudah tentunya tidak mahu menanggung kesan kewangan atau undang-undang akibat daripada penamatan empat projek itu.

Rundingan Terus

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) mendakwa empat kontrak itu diperolehi menerusi rundingan terus dan juga melanggar terma dan syarat surat tawaran mereka.

Dengan melepaskan beban industri penjana kuasa



Keratan Utusan Malaysia
26 Oktober 2018.

dengan pembatalan yang tepat pada masa itu, kerajaan juga meluaskan asas bagi industri penjana kuasa yang lebih mampan. Ini seiring dengan pemikiran semasa Kementerian tersebut dalam membentuk semula industri penjana kuasa tempatan.

Pembaharuan itu adalah sebahagian daripada keseluruhan strategi untuk membantu industri dan struktur pasaran menjadi lebih cekap, berteraskan pasaran, hijau dan lestari.

Kajian semula oleh kerajaan itu sudah pastinya untuk menyingkirkan apa yang tidak diperlukan dalam industri dan menilai apakah campuran tenaga yang betul yang sejajar dengan amalan terbaik di negara lebih maju.

Keberanian bagi pihak kerajaan itu menunjukkan bahawa tidak ada keperluan untuk

berpegang kepada modul tertentu hanya kerana sesetengah syarikat memperoleh kontrak jangka panjang.

Ia juga amat menggembarakan pengguna bahawa kerajaan komited untuk memastikan bahawa projek tenaga masa depan akan dijalankan melalui tender terbuka, sama ada untuk bahan api fosil atau projek tenaga boleh diperbaharui. Ini amat penting kerana kos bahan api semakin meningkat sejak kebelakangan ini.

Di Malaysia, lebih banyak tenaga elektrik dihasilkan daripada arang batu berbanding sumber bahan api lain seperti gas atau hidro. Sebahagian besarnya, kira-kira 70 peratus, dibeli dari Indonesia dan selebihnya dari Australia, Afrika Selatan dan Rusia. Gas merupakan sumber bahan api kedua terbesar bagi penjana elektrik di Malaysia dan masih menerima impak daripada tahap subsidi.

Potensi

Berikutan potensi turun naik harga sumber bahan api, satu mekanisme yang dikenali sebagai Ketidakeimbangan Pelepasan Kos (ICPT) telah diperkenalkan oleh Suruhanjaya Tenaga (EC) pada 2015 untuk menyediakan cara yang fleksibel untuk menyelaraskan harga. Ia bertujuan membantu industri penjana kuasa yang boleh terus melabur untuk berkembang

dan memberikan perkhidmatan yang kompetitif dan cekap.

Sebagai satu mekanisme di bawah rangka kerja Peraturan Berasaskan Insentif (IBR), ia membolehkan Suruhanjaya Tenaga membawa perubahan perubahan (sama ada peningkatan atau pengurangan) dalam kos bahan api dan berkaitan penjana dalam tarif elektrik setiap enam bulan.

Sejak pelaksanaan ICPT pada 2014, sejumlah RM6.3 bilion rebat dan subsidi ICPT telah disalurkan kepada pelanggan elektrik di Semenanjung Malaysia.

Apabila ICPT mula diperkenalkan pada 2015, harga arang batu global adalah kira-kira RM250 satu tan metrik. Harga arang batu naik lebih RM370 satu tan metrik pada awal tahun ini, meningkat 47 peratus sejak itu.

Bagi gas, harga semerta global mencatat paras tertinggi dalam tempoh tiga tahun pada Januari tahun ini pada AS\$3.87 bagi setiap juta BTU dan kini bergerak sekitar AS\$3.00 pada suku ketiga 2018 daripada serendah AS\$1.73 pada Mac 2016. Harga gas di Malaysia kini bergerak ke tahap pasaran di bawah program rasionalisasi harga gas. Apabila membayar tarif elektrik, hampir 70 peratus adalah kepada bahan api dan penjana.

Dengan lebih 90 peratus daripada tenaga elektrik di Malaysia dijana oleh stesen jana kuasa berasaskan arang batu dan gas, perubahan harga bahan api biasanya memberi impak yang besar kepada kos elektrik dan dengan ICPT, ia telah dirangka untuk menampung turun naik harga.

Oleh kerana harga terus tidak menentu, begitu juga cabaran

untuk menyediakan bekalan tenaga yang selamat dan dipercayai dan dalam masa yang sama mengekalkan harga elektrik pada kadar berpatutan. Ini bermakna TNB perlu menguruskan ekosistem elektrik yang memerlukan peraturan dan struktur pasaran yang boleh berubah untuk memenuhi keadaan yang berubah.

Mekanisme ICPT

Sehubungan itu, mekanisme ICPT membolehkan industri melalui EC mengkaji semula harga elektrik berdasarkan perubahan harga minyak.

Dalam landskap yang sentiasa berubah, Malaysia tidak bersendirian dalam menghadapi kos bahan api yang tinggi berikutan ekonomi Asia yang pesat berkembang akan terus memacu permintaan kepada arang batu dan gas asli. Di bawah senario itu, keupayaan untuk fleksibel adalah penting.

Bagi TNB untuk memenuhi keperluan elektrik negara, ia juga perlu melaksanakan rangka kerja harga yang adil untuk mencerminkan perubahan kos elektrik. Ini juga memerlukan pengguna membayar bagi bahagian mereka untuk memastikan Malaysia mempunyai industri bekalan elektrik yang mampan.

Oleh itu, ini bermakna melaksanakan imbalan yang tepat untuk jangka masa panjang dan kecekapan tenaga yang menjimatkan kos di negara ini.

Justeru, pujian seharusnya diberikan kepada MESTECC dan EC dalam menangani keadaan yang sukar dan memastikan harga elektrik yang adil dan wajar untuk rakyat Malaysia. -BERNAMA

LAMPIRAN 8
SINAR HARIAN (SENTRAL): MUKA SURAT 20
TARIKH: 2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Enam kilang haram disita

Tindakan diambil kerana melakukan pembakaran terbuka

AZIE YAHYA

KLANG

Sebanyak enam kilang memproses plastik di kawasan Perindustrian Air Hitam, di sini disita dalam operasi bersepadu Majlis Perbandaran Klang (MPK) bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, semalam.


Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz berkata, operasi dija-

lankan selepas menerima aduan daripada penduduk dan pengilang berhampiran terdapat aktiviti pembakaran terbuka sehingga mendatangkan pencemaran bau.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati, kilang terbabit beroperasi tanpa lesen dan mesin-mesin di kilang itu pernah disita sebelum ini kerana melanggar peraturan di bawah JAS.

"Bagaimanapun, pemilik kilang terbabit ingkar dan masih menjalankan aktiviti di premis itu tanpa memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti kebersihan sekeliling premis dan sebagainya," katanya.

Menurut beliau, pihaknya turut mengeluarkan enam notis di bawah Undang-Undang Kecil Pelese-



Proses sitaan sedang dilakukan oleh pihak penguatkuasa.

nan Tred Perniagaan dan Perindustrian (MPK) 2007.

"Notis penutupan serta

merta dikeluarkan dan semua premis telah disita serta dipasang tali kuning bagi

menghalang sebarang aktiviti di kilang terbabit," katanya. Tambah Norfiza, MPK

akan terus membuat pemantauan berkala bagi memastikan kilang itu tidak kembali beroperasi dan menghentikan aktiviti sepenuhnya.

"Operasi seperti ini akan diteruskan lagi di kawasan lain seperti di Telok Gong, Pulau Indah dan Pandamaran bagi menghentikan aktiviti di kilang haram.

"Kita juga akan terus bekerjasama dengan agensi lain untuk menyalurkan maklumat jika terdapat perkara menyalahi undang-undang di bawah bidang setiap agensi terlibat," katanya.

Operasi bermula jam 9 pagi dan berakhir 1 tengah hari itu diketuai Timbalan Pengarah Perlesenan MPK, Mohd Farulisa Md Isa bersama 30 anggota penguatkuasa MPK dan kakitangan JAS.

LAMPIRAN 9
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 11
TARIKH: 2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Siap sedia hadapi cuaca tak menentu

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) menjangkakan musim tengkujuh yang menyebabkan hujan berterusan sehingga tempoh lima hari berturut-turut diramal melanda negara mula 29 Oktober lalu hingga Mac 2019. Musim Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh tahun ini lebih awal, berbanding tahun lalu yang berlaku pada awal November dan berubah mengikut dinamik cuaca serta pelbagai faktor lain.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sudah pun mengumumkan cuti bagi anggota keselamatan dan penyelamat membabitkan pelbagai agensi dibekukan selama dua bulan mulai bulan ini sebagai persiapan menghadapi banjir. Pembekuan cuti itu dikeluarkan sebagai langkah siap siaga berikutan beberapa negeri di Pantai Timur mula menerima taburan hujan yang tinggi susulan Monsun Timur Laut.

Mulai pertengahan bulan ini sehingga pertengahan bulan depan pula dilangsungkan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), disusuli Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang memerlukan bantuan pasukan keselamatan, jika berlaku banjir yang menghalang calon peperiksaan awam itu ke pusat peperiksaan.

Sukar dijangka

Perubahan iklim sukar dijangka sehingga berlaku hujan lebat pada Ogos, sedangkan ketika itu sepatutnya cuaca panas dan kering akibat fasa Monsun Barat Daya.

Ada kawasan sebelum ini purata taburan hujan rendah, kini kerap berlaku hujan lebat menyebabkan ada kawasan dulu selamat daripada banjir kini mengalami fenomena itu, manakala kawasan kerap banjir tidak lagi menghadapi bencana itu.

Timbalan Ketua Setiausaha Ke-

Komentar



Mohd Azrone Sarabatin
azrone@oh.com.my

menterian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTEC), Prof Madya Dr Ramzah Dambul menjelaskan perubahan iklim ialah antara kesan jangka pendek pemanasan global.

Kesan jangka pendek pemanasan global tidak banyak, berbanding kesan jangka panjang fenomena itu.

Beliau yang juga pakar klimatologi menyatakan dalam tempoh 20 hingga 30 tahun, dijangka lebih banyak lagi kesan pemanasan global seperti kewujudan penyakit dan serangga baharu.

Penyakit baharu

Pemanasan global bukan sahaja mengakibatkan perubahan iklim, malah mengubah organisme, virus, kuman dan nyamuk yang dengan sendirinya menyebabkan wujud penyakit baharu.

"Ini tidak mustahil berlaku kerana dulu malaria hanya berlaku di sekitar garis Khatulistiwa, tetapi kini merebak ke kawasan lain, termasuk Afrika akibat perubahan cuaca," katanya, baru-baru ini.

Hujan lebat di darat, manakala air pasang besar di laut menyebabkan air sukar mengalir ke laut yang dengan sendirinya menyebabkan banjir kilat, selain pengaruh graviti bulan.

Kedua bertambah teruk apabila parit tersumbat akibat sampah kerana tidak diselenggara dengan sempurna menyebabkan saliran berkenaan tepu dan sukar



[FOTO HIASAN]

Perubahan iklim sukar dijangka sehingga berlaku hujan lebat dan banjir.

mengalirkan air, sekali gus menyumbang kepada banjir.

Pemanasan global turut menyumbang kepada kekurangan bekalan makanan kerana padi, sayur dan buah-buahan rosak akibat cuaca tidak menentu dan dalam konteks ini keselamatan makanan juga perlu diutamakan.

Sebagai contoh kata Dr Ramzah, Tadau Kaamatan atau Pesta Menuai yang diraikan masyarakat Kadzandusun, Murut dan Rungus setiap Mei, dulu berlangsung pada musim cuaca panas, tetapi kini bulan itu beralih kepada musim hujan.

Dapatkan maklumat

Masyarakat seharusnya peka dengan perubahan cuaca dan sentiasa mendapatkan maklumat dari laman sesawang MET Malaysia.

Belia turut berperanan menyampaikan maklumat berkenaan kepada warga emas yang tidak mempunyai akses internet atau telefon pintar untuk mendapatkan maklumat berkaitan cuaca.

Masyarakat zaman dulu bijak berharmonis dengan alam. Sebagai contoh di Lembah Kinabatangan, Sabah mereka membina rumah

bertiang tinggi bagi mengelak kediaman ditenggelami banjir.

Ini berbeza dengan masyarakat sekarang yang membina rumah tanpa tiang konon untuk mengelak pinggang dan kaki sakit mendaki tangga dan akhirnya bila banjir mereka merungut kerana barang rosak dan hanyut serta rumah dipenuhi lumpur.

Malaysia kini turut menerima kesan taufan dari negara jiran sebagai contoh tempias taufan Maghut, Yolanda dan Paolo di Filipina, selain taufan Hato dari Hong Kong.

Untuk rekod, Sabah pernah dilanda Ribut Tropika Greg meragut ratusan nyawa di Keningau pada Disember 1996, kemudian banjir besar di Penampang akibat ribut tropika Hilda pada 7 Januari 1999.

Sebab itulah ada yang berpandangan Sabah yang digelar 'Negeri di bawah Bayu' oleh penulis Barat, Agnes Newton Keith pada 1939 pada masa depan akan bertukar nama kepada 'Negeri di atas Angin' akibat kekerapan taufan.

Tempias taufan juga menyebabkan panas terik sebagai contoh tempias taufan Lan yang menggempakan timur Filipina meny-

babkan suhu di Semenanjung naik 33 darjah Celsius, Oktober tahun lalu.

Pertembungan dua taufan iaitu taufan Damrey yang melanda Vietnam dan taufan lebih kecil di Teluk Siam pula menyebabkan angin kencang di Pulau Pinang, November tahun lalu.

Perubahan iklim juga menyebabkan berlaku fenomena El Niño iaitu cuaca panas serta kering dan La Nina iaitu musim hujan lebat berterusan.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah Majilis, dilaporkan berkata cuaca di negara ini agak sukar diramalkan kerana kita berada di kawasan Tropika yang mana pergerakan cuaca pendek dan sentiasa beredat, namun stesen ramalan cuaca dan sistem amaran (tsunami mencukupi).

Begitulah besarnya pengaruh pemanasan global sehingga menyebabkan berlaku perubahan iklim yang memerlukan kerajaan sentiasa bersedia melaksanakan pelbagai mekanisme untuk menghadapinya demi kepentingan rakyat.

LAMPIRAN 10

NEW STRAITS TIMES (BUSINESS): MUKA SURAT 23


TARIKH: 2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

POWER GENERATION

CANCELLING IPP PROJECTS A BOLD MOVE

Maintaining high level of unnecessary buffer is merely a sheer waste of government's resources

VIEWPOINT



DATUK
YONG SOO
HEONG

RESOLUTE and far-reaching. That perhaps best describes the government's latest decision to cancel four independent power producers (IPP) projects that are currently surplus to the nation's needs.

The four IPPs comprised three gas power plants with a combined installed capacity of 2,400 Megawatt (MW), and a 400MW solar power project.

Simply put, had the government gone ahead with the projects, it would have meant that the capacity margin or buffer at an already optimum level of 32 per cent is further raised to a level that is more than required by consumers.

Definitely a sheer waste of resources that will in turn increase the government's payments to maintain a higher level of unnecessary buffer, which would ultimately result in higher electricity bills.

Much thought has gone into the bold decision where the government would also not incur financial or legal consequences as a result of the termination of the four projects.

The Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry had alleged that the four contracts were won through direct negotiations and had also breached the terms and conditions in their offer letters.

By unburdening the power generation industry with the timely cancellation, the government also laid the groundwork on a more sustainable power generation industry. This fits with the current thinking of the ministry in reforming the local power generation industry.

The reforms are part of an overall strategy to help the industry and market structure to be more efficient, market-based, green and sustainable.

The review by the government will certainly shed the fat in the industry and examine what is the right energy mix and mode to be, in line with best practices in more advanced countries.

The boldness on the part of the government demonstrates that there is no necessity to stick to certain modules just because some companies had won long-term contracts.

In Malaysia, more electricity is produced from coal than any other source of fuel like gas or hydro. The bulk of the coal, at around 70 per cent, is purchased from Indonesia, with the rest coming from Australia, South Africa and Russia. Gas is the second largest source of fuel for electricity generation in Malaysia, and is still impacted by a degree of subsidisation.

Against the backdrop of potential fuel source price volatility, a mechanism known as the Imbalance Cost Pass-Through (ICPT) was introduced by the Energy Commission in 2015 to provide a flexible way to adjust prices. That is aimed at helping a power generation industry that can continue to invest, grow and deliver a competitive and efficient services.

As a mechanism under the Incentive Based Regulation (IBR) framework, it allows the commission to reflect and effect changes (either an increase or reduction) in fuel and other generation-related costs in the electricity tariff every six months.

Since ICPT's implementation in 2014, a total of RM6.3 billion of rebates and subsidies have been passed through to electricity customers in Peninsular Malaysia.

When the ICPT was first introduced in 2015, global coal prices were at roughly RM250 a tonne. The price of coal rose over RM370 a tonne at the start of this year, a rise of 47 per cent since then.

As for gas, global spot prices hit a three-year high in January at US\$3.87 (RM16.16) per million British thermal unit (BTU) and are now trending at around US\$3 in the third quarter, up from a low of US\$1.73 in March 2016.

Gas prices in Malaysia are moving towards the market level under a gas price rationalisation programme.

When one pays for electricity tariffs, almost 70 per cent goes to fuel and generation. With more than 90 per cent of Malaysia's electricity generated by coal-fired and gas-fired power stations, changes in fuel prices usually have a big impact on electricity costs but the ICPT has been designed to accommodate such price fluctuations.

As prices remain volatile, so, too, does the challenge of providing a secure and reliable energy supply while at the same time maintaining affordable electricity prices.

That means Tenaga Nasional Bhd has to manage an electricity ecosystem that requires regulations and a market structure that can evolve to meet changing conditions.

As such, the ICPT mechanism allows the industry through the commission to review electricity prices based on the changing prices of fuel.

In a landscape that is constantly shift-

ing, Malaysia is not alone in facing higher fuel costs as rapidly growing economies in Asia will continue to drive coal and natural gas demand. Under such a scenario, the ability to be flexible is crucial.

At the end of the day, it means striking the right balance for long-term and cost-effective energy efficiency in the country.

The writer is former Bernama editor-in-chief



THE NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Company No. 4485-H)
(Incorporated in Malaysia)

NOTICE IS HEREBY GIVEN THAT an Extraordinary General Meeting ("EGM") of The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad ("NSTP" or "Company") will be held at Ballroom 2, 1st Floor, Sims Darby Convention Centre, 1A, Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur, Malaysia on Monday, 26 November 2018 at 10.00 a.m., for the purpose of considering and if thought fit, passing the following ordinary resolution:

ORDINARY RESOLUTION

- PROPOSED SALE OF THE BANGSAR PROPERTY, SHAH ALAM PROPERTY AND SHAH ALAM VACANT LAND BY NSTP, A 98.17%-OWNED SUBSIDIARY OF MEDIA PRIMA BERHAD ("MPB"), TO PNB DEVELOPMENT SDN. BERHAD ("PNB DEVELOPMENT"), FOR A TOTAL CASH CONSIDERATION OF RM280.00 MILLION ("PROPOSED SALE"); AND
- PROPOSED TENANCY IN RELATION TO THE BANGSAR PROPERTY AND SHAH ALAM PROPERTY BY NSTP FROM PNB DEVELOPMENT ("PROPOSED TENANCY").

(COLLECTIVELY REFERRED TO AS "PROPOSALS")

THAT subject to and conditional upon the approvals of all relevant regulatory authorities being obtained, if applicable, and the approval of the shareholders of MPB being obtained, approval be and is hereby given to the Company to undertake and implement the following Proposals:

- The Proposed Sale based on the terms of the 3 conditional sale and purchase agreement dated 30 August 2018 entered into between NSTP and PNB Development for the Proposed Sale ("SPAs") in respect of each of the Sale Properties, as defined in the circular to shareholders dated 2 November 2018 ("Circular"); and
- The Proposed Tenancy based on the terms of the agreed form of 2 tenancy agreements (which are appended to the SPAs) to be entered into between NSTP and PNB Development for the Proposed Tenancy in respect of each of the Tenanted Properties, as defined in the Circular ("Tenancy Agreements").

THAT subject to and conditional upon the approval of the shareholders of MPB being obtained, the Board of Directors of the Company be and is hereby empowered and authorised to do all acts, deeds, and such things, to take all necessary steps, and to execute, enter into, sign and deliver on behalf of the Company all such documents (including all applications and submissions to the relevant regulatory authorities and bodies), as it may deem necessary, expedient and/or appropriate, to implement, give full effect to and complete the Proposals, including to the SPAs, Tenancy Agreements, and any ancillary agreements and documents in relation thereto (as may be amended from time to time by further agreement between the parties), with full powers to adopt, assent to and/or accept any conditions, amendments, alterations or modifications in any manner as may be required or imposed by any relevant authorities and/or parties in connection with the Proposals or as the Board of Directors of the Company may in its absolute discretion deem necessary, expedient and/or appropriate in the best interest of the Company;

THAT the use of proceeds to be derived from the Proposed Sale in the manner set out in Section 2.8 of the Circular, be and is hereby approved, and the Board of Directors of the Company be and is hereby empowered and authorised with full powers to vary the manner and/or purpose of use of the proceeds in such manner as it shall in its absolute discretion deem necessary, expedient and/or appropriate in the best interest of the Company, subject to the approval of the relevant authorities, where required.

AND THAT all previous acts made and/or done by the Board of Directors of the Company in connection with the Proposals be and are hereby confirmed and ratified."

BY ORDER OF THE BOARD

TAN SAY CHOON (MAICSA 7057849)
FARNIDA BINTI NGAH (MIA 22495)
Company Secretaries

2 November 2018
Kuala Lumpur

Notes:

- Only depositors whose names appear in the Record of Depositors as at 19 November 2018 shall be regarded as members and be entitled to attend and vote at this EGM.
- Each member of the Company is entitled to appoint a proxy (or in the case of a corporation, to appoint a representative) to attend and vote in his stead. A proxy need not be a member of the Company. In the case of a corporation, the proxy must be executed under its common seal or signed under the hand of its attorney or by an officer on behalf of the corporation.
- The instrument appointing the proxy must be deposited at the Registrar, Symphony Share Registrars Sdn Bhd, Level 6, Symphony House, Pusat Dagangan Desa 1, Jalan PUJ 1A/16, 47301 Petaling Jaya, Selangor not less than 48 hours before the time set for holding the meeting or at any adjournment thereof.

LAMPIRAN 11 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 28 TARIKH: 2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Nadia Hamid
dan Manirajan Ramasamy
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan perlu meneliti sama ada berbaloi atau tidak membawa pulang jet peribadi milik ahli perniagaan, Low Taek Jho atau Jho Low.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata demikian merujuk kepada jet peribadi di hangar persendirian Lapangan Terbang Seletar Singapura yang diarahkan lelong dalam masa dua minggu.

"Saya tidak tahu adakah berbaloi atau tidak membawa (jet peribadi) balik. Jet itu tidak boleh terbang," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Anugerah Felo dan Anugerah 24 Saintis Terbaik 2018, anjuran Akademi Sains Malaysia (ASM), di sini.

Ketika ditanya berhubung kenyataan beliau sebelum ini yang kerajaan berhasrat membawa pulang jet itu pulang ke Malaysia, Dr Mahathir dengan tegas mengulangi kenyataannya.

"Kalau berbaloi, kita bawa balik," katanya.

Pagi semalam, Mahkamah Amerika Syarikat membenarkan jualan lelong jet peribadi milik Jho Low yang dipercayai dicuri daripada 1 Malaysia Development Berhad (1MDB).

Jet peribadi itu, The Bombardier Global 5000, dianggarkan bernilai AS\$ 1.7 bilion (RM7.08 bilion).

Jet berkenaan didakwa aset kedua mempunyai hubungan kait dengan 1MDB yang akan dijual.



DR Mahathir merasmikan Anugerah Felo dan Anugerah 24 Saintis Terbaik 2018, anjuran Akademi Sains Malaysia (ASM), semalam.

Teliti hal jet Jho Low

■ Kerajaan kaji sama ada berbaloi atau tidak bawa pulang ke Malaysia

Awal minggu ini, Malaysia menawarkan bidaan lelong kapal mewah, Equanimity yang bernilai AS\$250 juta (RM1 bilion), didakwa milik Jho Low.

Rabu lalu, Pendakwa Raya Mahkamah California bersetuju dengan keputusan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) dan syarikat memiliki jet itu, Global One Aviation untuk menjual jet peribadi itu.

Difahamkan, jet itu ber-

isiko mengalami kerosakan dan perlu dibaiki untuk mengekalkan keadaannya, dengan kos baik pulih dianggarkan RM2 juta.

Difahamkan, CAG, syarikat pengendali Lapangan Terbang Seletar meminta pembayaran caj tempat letak pesawat dijelaskan terlebih dahulu sebelum jet itu dibenarkan dibawa ke Malaysia.

Jurucakap Global One Aviation berkata proses bi-

daan akan bermula dalam masa terdekat.

Ogos lalu, Dr Mahathir berkata, jet itu tidak digunakan untuk tempoh lama dan perlu diservis sebelum dibenarkan terbang.

"Kita akan bawa pulang secepat mungkin, kalau jet boleh terbang. Jet tidak digunakan sudah lama. Perlu diperiksa dan diservis."

"Selepas selesai, ia akan diterbangkan ke sini," katanya.

LAMPIRAN 12
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 36
TARIKH: 2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Kuala Lumpur: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bercadang meneruskan pemberian Lesen Import (AP) sisa plastik kepada syarikat yang layak dan memenuhi syarat kelulusan ditetapkan.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, ia bertujuan menetapkan nisbah bagi syarikat pengimport sisa plastik dengan mewajibkan penggunaan 30 peratus sisa plastik tempatan.

“Sisa pepejal adalah ko-

Patuhi syarat lesen import sisa plastik

moditi berharga kepada negara kerana mampu menjana pendapatan kepada pengusaha kilang kitar semula jika sisa pepejal terutama plastik diasing dengan teratur dan diproses dengan baik

“Jumlah keseluruhan sisa plastik yang dieksport ke Malaysia dari 2015 hingga 2017 adalah 1,087,424 tan, dengan peningkatan ketara

bagi kemasukan sisa plastik ke Malaysia bermula 2016 hingga 2017,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada Lim Lip Eng (PKR-DAP Kepong) mengenai rasional 114 permit AP sisa plastik HS Kod 3915 diteruskan sedangkan negara seperti China sudah melarang import sisa plastik berkenaan.

LAMPIRAN 13
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 67
TARIKH: 2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Jenama Malaysia raih Anugerah Penjenamaan Dunia 2018

Malayan Banking Bhd (Maybank) dan Tenaga Nasional Bhd (TNB) adalah antara jenama tempatan yang dinobatkan sebagai pemenang peringkat kebangsaan dalam Anugerah Penjenamaan Dunia yang diadakan di State Apartments di Istana Kensington, London, semalam.

Majlis penuh berprestij itu menyaksikan kira-kira 270 jenama dari 33 negara yang dinamakan sebagai 'Jenama Terbaik Untuk Tahun Ini' adalah pengiktirafan jenama global kepada pemain industri dunia.

Selain itu, pemenang peringkat kebangsaan dari Malaysia termasuklah Getha, Golden Screen Cinemas, MML, Mr DIY, Pertama, Secret Recipe, Spritzer, Sunway Lagoon, Sunway Property dan Universiti Sunway.

Sementara itu, jenama dari Singapura yang mendapat anugerah dalam kategori sama ialah BreadTalk, DBS, Great Eastern, Raffles Education, Singapore Airlines, Singtel dan Skylight.

Pengerusi bagi Forum Penjenamaan Dunia, Richard Rowles, berkata anugerah itu meraikan pencapaian bagi beberapa jenama terbesar dari seluruh dunia.

"Dengan purata hanya enam pemenang bagi setiap negara, ia adalah pencapaian yang hebat untuk menjadi pemenang bagi anugerah ini," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

4,500 jenama dicalonkan

Anugerah itu turut menyaksikan Beijing Tong Ren Tang, BMW, Cartier, Club Med, JinkoSolar, Lego, L'Oreal, Louis Vuitton, Nescafe, Rolex, Samsung, Schwarzkopf dan Yakult diumumkan sebagai pemenang global bagi edisi anugerah kali ini.

Selain itu, pemenang pada peringkat wilayah ialah Ajinomoto, Uniqlo (Jepun); Giordano, Optical 88, Sasa, Shangri-La (Hong Kong); Indomie (Indonesia); LuLu; RAK Ceramics (Emiriah Arab Bersatu); MTN (Afrika Selatan) dan Zara (Sepanyol).

Pemenang dinilai secara unik melalui tiga bahagian iaitu penilaian jenama, penyelidikan pasaran pengguna dan pengundian dalam talian awam.

Sebanyak 70 peratus daripada proses pemarkahan datang daripada undi pengguna dan hanya ada satu pemenang dalam setiap kategori bagi setiap negara.

Tahun ini, anugerah berprestij itu dibahagikan kepada dua acara penganugerahan, dengan jenama dari Amerika dan Caribbean dianugerahkan dalam satu acara berasingan yang diadakan lebih awal pada Julai di New York.

Ketua Eksekutif Forum berkenaan, Peter Pek, berkata lebih 4,500 jenama dari 57 negara dicalonkan pada tahun ini, dengan 351 jenama dari 49 negara diisytiharkan sebagai pemenang.

"Sebanyak 81 jenama dari 16 negara menerima anugerah di New York dan 270 pemenang dari 33 negara menerima anugerah di London.

"Bukan setiap negara mendapat penganugerahan, kerana beberapa jenama tidak mendapat undi yang mencukupi untuk melayakkan diri," katanya.

LAMPIRAN 14
UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 47
TARIKH: 2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Ahmad Badri dilantik ahli lembaga pengarah TNB

KUALA LUMPUR 1 Nov. - Tenaga Nasional Bhd. (TNB) mengumumkan pelantikan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Ahmad Badri Mohd. Zahir sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif syarikat berkuat kuasa hari ini.

TNB berkata, Ahmad Badri merupakan lulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Hull, United Kingdom dan turut memiliki Diploma Lanjutan (Pengurusan Ladang) daripada Institut Teknologi Mara (ITM).

Beliau berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 29 tahun selepas menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diploma-

tik (PTD) pada 1 Ogos 1989.

"Ahmad Badri juga berpengalaman luas dalam bidang pengurusan ekonomi dan

kewangan termasuk pernah menjawat pelbagai jawatan di Kementerian Kewangan termasuk Pengarah di Pejabat Belanjawan Negara; Setiausaha Bahagian, Bahagian Pelaburan Strategik dan Timbalan Setiausaha Bahagian, Seksyen Pembiayaan, Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran Ke-

wangan dan Aktuari," katanya dalam kenyataan di Bursa Malaysia di sini hari ini.

Ahmad Badri Mohd. Zahir, 58, dilantik sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 12 September lalu.



AHMAD BADRI

LAMPIRAN 15
THE STAR (NEWS): MUKA SURAT 2
TARIKH: 2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

TNB unit issues RM3.1bil sukuk

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Bhd (TNB)'s wholly-owned subsidiary Global Ventures Capital Berhad has issued US\$750mil (about RM3.13bil) worth of sukuk under its US\$2.5bil sukuk programme.

Upon issuance of the bonds and based on TNB's consolidated statement of financial position as at June 30, TNB's consolidated gearing would increase from 0.41 times to 0.43 times.

The sukuk issued will not have any impact on the earnings, EPS and net assets per share of TNB for the current financial year, the national utility firm told the stock exchange yesterday.

Separately, TNB said it has appointed Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir to its board as a non-independent, non-executive director.

LAMPIRAN 16
KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 8
TARIKH: 2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

KPKT cadang kelulusan diberikan secara bersyarat, patuhi arahan ditetapkan

Lesen import plastik diteruskan



Oleh NUR IDAYU BOSRO
dan RIDZAUDDIN ROSLAN

KUALA LUMPUR – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mencadangkan agar pemberian Lesen Import (AP) diteruskan selain hanya dihadkan kepada syarikat yang layak serta memenuhi syarat kelulusan seperti ditetapkan kementerian tersebut.

Menurut kementerian itu, pihaknya turut menetapkan ratio bagi syarikat pengimport sisa plastik dengan mewajibkan penggunaan 30 peratus sisa



KPKT mencadangkan agar pemberian AP plastik diteruskan selain dihadkan kepada syarikat yang layak. – Gambar hiasan

plastik tempatan.

“Cadangan berkenaan secara tidak langsung juga akan mengurangkan pengimportan sisa plastik sebanyak 30 peratus sekali gus merangsang

aktiviti kitar semula sisa plastik tempatan.

“Kementerian juga berpandangan bahawa penghapaman serta-merta akan menjejaskan industri pemprosesan sisa plas-

tik di Malaysia berikutan produk plastik yang dihasilkan dalam negara bakal dieksport ke negara luar,” kata kementerian itu menerusi jawapan bertulis yang diedarkan di Parli-

Kerajaan ambil keputusan muktamad hentikan pergantungan kepada negara asing
Import sisa plastik dihentikan



KERATAN Kosmo! 27 Oktober 2018.

men di sini semalam.

Jelas KPKT, bagi mengawal kemasukan sisa plastik ke negara ini, kerajaan merancang menetapkan kuota kebangsaan bagi memastikan Malaysia tidak menerima sisa plastik secara berlebihan sekiranya ada negara melaksanakan sekatan terhadap import plastik.

“Jumlah sisa plastik yang dieksport ke Malaysia dari

tahun 2015 hingga 2017 ialah sebanyak 1.087 juta tan dan berlaku peningkatan ketara berbanding tahun 2016 hingga 2017.

“Peningkatan berkenaan disebabkan oleh kawalan perniagaan pemprosesan sisa plastik lebih ketat oleh negara China seterusnya menyebabkan pembekal sisa plastik negara lain beralih ke Malaysia,” ujar kenyataan itu.

LAMPIRAN 17
THE STAR (WORLD): MUKA SURAT 39
TARIKH: 2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Robotic surgery for cervical cancer raises death risk

TAMPA: A minimally invasive, robotic surgery commonly used for performing hysterectomies in women with early stage cervical cancer actually boosts the risk of a woman dying, researchers warned.

A pair of studies published in the *New England Journal of Medicine* sound the alarm about a surgery that has quickly become the go-to option for many women, even before its outcome was thoroughly studied.

"At this point, we would recommend only using open surgery to perform a radical hysterectomy for cervical cancer," said co-senior

author Shohreh Shahabi, chief of gynaecologic oncology at Northwestern University Feinberg School of Medicine.

When a woman is diagnosed with cervical cancer, she often gets her uterus and cervix removed, an operation known as a radical hysterectomy.

Minimally invasive radical hysterectomy using either laparoscopic or robot-assisted procedures have been around since 1992, but ballooned in popularity in the last decade.

More than 60% of hysterectomies performed on women with early

stage cervical cancer in 2013 were done in a minimally invasive way, allowing women to go home the same day.

The procedure involves inflating the abdomen with gas and operating through small incisions, using a camera and a robotic instrument.

In comparison, a traditional, open hysterectomy requires a long incision through the centre of the abdomen and several days of hospitalisation.

While robotic surgeries are gaining popularity fast, and are generally seen as less risky in terms of sur-

gical complications, researchers wanted to understand which method was better from a cancer-survival standpoint.

The trial was halted early, in 2017, when researchers realised there was a 10% difference in survival between the two groups.

Eighty-six per cent of women who had the robotic surgery were alive and disease-free after 4.5 years, compared to 96.5% in the open surgery group.

Minimally invasive surgery was also associated with a lower overall survival rate after three years—93%

in the minimally invasive group were alive compared to 99% in the traditional surgery group.

A second study analysed 2,461 patients in the National Cancer Database who had radical hysterectomies for early-stage cervical cancer from 2010 through 2013, half by robotic surgery and half via open surgery.

There, too, researchers found that women who underwent the minimally invasive surgery had higher rates of cancer recurrence and death than those who had a traditional surgery. — AFP